

**Kerajaan Boleh Perkenal Kad Diskaun Untuk Gantikan BR1M, Kata Pakar Bernama**  
**21 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Kerajaan boleh mempertimbangkan kemungkinan menawarkan kad diskaun kepada isi rumah yang berpendapatan rendah sebagai gantian kepada Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk membeli keperluan harian mereka, kata seorang pakar ekonomi.

"Sudah menjadi sifat manusia, jika mereka mendapat wang lebih mereka mungkin menggunakannya untuk berbelanja secara tidak produktif," kata Ketua Pakar Ekonomi Alliance Banking Group, Manokaran Mottain, merujuk kepada rancangan kerajaan menawarkan bantuan wang tunai kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Tujuan kad diskaun yang boleh dimasukkan dalam Mykad, ialah untuk membolehkan isi rumah miskin menikmati diskaun bagi pembelian barangan runcit dan bahan api, dan ini boleh menjadi penyelesaian bagi jangka yang lebih panjang berbanding BR1M, katanya.

Beliau membuat ulasan itu sebagai ahli panel pada perbincangan panel anjuran Suruhanjaya Tinggi Britain dan Universiti Nottingham Malaysia, bertajuk "No Pain No Gain: Cutting subsidies is necessary for Malaysia's future prosperity (Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya: Mengurangkan subsidi perlu bagi kemakmuran Malaysia pada masa akan datang)", Khamis malam.

Manokaran berkata meskipun rakyat menghadapi tekanan ekoran kenaikan kos sara hidup, namun pengurangan subsidi diperlukan kerana Malaysia perlu memperluas sumber pendapatan untuk memastikan kedudukan fiskal yang lebih baik.

"Malaysia perlu memelihara dirinya sendiri daripada tindakan penurunan penarafan, jika tidak, modal asing akan keluar dari negara ini, dan ini akan menjejaskan akaun semasa dan mata wang kita," tegas beliau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, yang merupakan seorang daripada ahli panel, berkata subsidi memang perlu dikurangkan untuk mengecilkan defisit belanjawan kerajaan agar ekonomi yang lebih mampan dapat dicapai.

"Penjimatan daripada pengurangan subsidi itu membolehkan kerajaan membelanjakannya untuk, antara lain, menambah baik pengangkutan awam, dan menawarkan subsidi bersasar untuk memperkukuh jaringan keselamatan sosial," tegas Abdul Wahid, yang bertanggungjawab bagi Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1023655>